

Dr. Mahathir bantu rawat mangsa tsunami

Um - 4/2/2005: 3

BANDA ACEH 3 Feb. — Seorang mangsa tsunami yang berasal dari Desa Rabo, Pulau Nasi dekat sini menerima kejutannya apabila beliau yang sedang dirawat kerana luka di pipinya, mendapat rawatan khas daripada bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dr. Mahathir yang sedang melawat kem perubatan Posko Pengungsi Seunaboh yang dikendalikan oleh Aman Malaysia, membantu seorang doktor sukarelawan Aman Malaysia, Dr. Mohamed Kassim merawat Maulidin Pakeh, 23, yang cedera semasa menyelamatkan diri pada 26 Disember lepas.

Dr. Mahathir mengeluarkan sisa kayu bakau yang terbenam lebih sebulan di pipi kanan Maulidin, sebelum luka itu dirawat Dr. Mohamaed.

Terdahulu Dr. Mahathir dan isteri Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Penyelaras Aman Malaysia, Datuk Mukhriz Mahathir yang dalam rangka lawatan tiga hari ke wilayah itu turut melawat sekolah yang mendapat bantuan daripada Aman Malaysia.



DR. MAHATHIR Mohamad melakukan pembedahan kecil mengeluarkan sisa kayu di pipi Maulidin Pakeh dengan dibantu oleh Dr. Mohamed Kassim di kem perubatan Posko Pengungsi Seunaboh, Banda Aceh, semalam.

Ketibaan beliau disambut meriah oleh kanak-kanak di sekolah berkenaan yang turut menyanyikan beberapa buah lagu, khas untuk beliau dan tetamu lain.

Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah turut menyumbang 400 helai telekung dan 400 kain pelikat

untuk digunakan oleh penghuni di kem Posko.

Terdapat kira-kira 2,500 orang termasuk 400 anak yatim mangsa tsunami dari 16 kampung dari tiga pulau di kepulauan Aceh iaitu Pulau Nasi, Pulau Beras dan Pulau Kerisik, yang ditempatkan di kem berkenaan.

Pasukan Aman Malaysia menyediakan kelengkapan persekolahan selain menyediakan pusat rawatan dan pasukan perubatan bagi mengubati mangsa. Mereka juga telah menyediakan sebuah pam dan penapis air.

Dr. Mahathir ketika ditemui pemberita berkata

bantuan dan pasukan sukarelawan dari seluruh dunia perlu berada lebih lama di Aceh bagi terus memberikan bantuan kepada mangsa.

Menurutnya ini kerana selepas lawatannya ke beberapa tempat yang teruk dilanda bencana tsunami, beliau mendapati kawasan yang terlibat itu jauh lebih teruk daripada yang disangkakan.

“Kawasan yang terlibat sangat luas daripada yang saya fikir sebelum ini dan kesemuanya musnah teruk dan hancur.

“Jadi saya fikir Aceh memerlukan bantuan bukan setakat satu atau dua bulan, tetapi untuk jangka masa yang lebih panjang,” katanya.

Selain itu, Dr. Mahathir berkata daripada laporan dan pemerhatian, beliau berpuas hati dengan bantuan yang telah diberikan oleh sukarelawan dari Malaysia seperti Mercy dan Aman Malaysia.

Dr. Mahathir berkata, pada pendapat beliau pasukan sukarelawan dari Malaysia telah menjalankan tugas dengan bersemangat-sungguh dan penuh tanggungjawab. — Bernama